



HIJRAH, JIHAD ASAS PEMBENTUKAN UMMAH CEMERLANG — MB KELANTAN

DAKWAH BUKAN MEMAKSA TAPI MENGAJAK DENGAN KASIH SAYANG
- DATO' DR. FADZLI

KEMPEN KESEDARAN E-WASTE PERKASA USAHA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI KELANTAN

10.514 JUTA PELANCONG JAYAKAN TMK2024, JANA IMPAK EKONOMI RM3.154 BILION

ECERDC CATAT PELABURAN DIREALISASI RM1.1 BILION DI KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

PUTRAJAYA, 30 Jun 2025 — Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjaya mencatat nilai pelaburan direalisasikan sebanyak RM1.1 bilion di Kelantan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim atas sokongan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi di Kelantan.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Mesyuarat Majlis



Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, hari ini.

“Semoga segala perancangan yang dibincangkan dapat memberi manfaat besar kepada rakyat dan

melonjakkan lagi potensi ekonomi negeri Kelantan,” katanya.

Sementara itu, menurut kenyataan rasmi ECERDC, antara pelaburan utama yang sedang dibangunkan di Kelantan ialah sebuah loji mini hidro berkapasiti 84 MW dengan nilai pelaburan kira-kira

“

Semoga segala perancangan yang dibincangkan dapat memberi manfaat besar kepada rakyat dan melonjakkan lagi potensi ekonomi negeri Kelantan,”

RM1 bilion.

Dalam usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara, ECERDC turut mengumumkan bahawa Pusat Pengumpulan Susu Kambing di Ketereh dan Pasir Puteh, Kelantan telah berjaya disiapkan pada April 2025.



HIJRAH, JIHAD ASAS PEMBENTUKAN UMMAH CEMERLANG – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Jun – “Hijrah dan jihad adalah asas utama pembentukan ummah yang cemerlang. Ia bukan sekadar catatan sejarah, tetapi manhaj kehidupan yang wajib dihayati umat Islam hari ini.”

Kenyataan tersebut dizahirkan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud dalam ucapan perasmian Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1447H/2025 di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, semalam.

Beliau memetik firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 20 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar darjatnya di sisi Allah, dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Menurutnya, kegemilangan Islam tidak berlaku secara kebetulan, tetapi dibina atas pengorbanan dan kesabaran Rasulullah SAW serta para sahabat dalam menempuh ujian berat melalui jalan hijrah dan jihad.

“Kedua-duanya merupakan sunnatullah dalam membangunkan tamadun Islam yang unggul.

“Hijrah melambangkan ketundukan mutlak kepada perintah Allah, manakala jihad ialah puncak perjuangan seorang Muslim dalam



menyebarkan kebenaran dan menolak kebatilan,” jelasnya.

Tambah beliau, gabungan hijrah dan jihad adalah formula kejayaan yang dirakam jelas di dalam al-Quran.

“Dengan tema Hijrah Pemangkin Pembangunan Ummah, sambutan tahun ini membawa peringatan tentang pentingnya umat Islam melakukan anjakan menyeluruh – bukan hanya rohani dan akhlak, malah juga dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan kepimpinan,” ujarinya.

Menteri Besar turut memperincikan tiga elemen penting sebagai teras pembangunan berlandaskan semangat hijrah dan jihad.

Pertama, asas kejayaan hijrah Rasulullah SAW bermula dengan pendidikan yang bersumberkan wahyu.

Maka, sistem pendidikan Rabani yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah wajib diperkasa

bagi melahirkan generasi berilmu, beriman dan berprinsip.

Kedua, ibrah daripada pemerintahan Islam di Madinah, agenda kebajikan perlu diberi keutamaan dalam menjamin kesejahteraan rakyat.

“Negara Islam bukan hanya menguatkuasakan hukum, tetapi membela nasib rakyat dalam segenap sudut kehidupan,” katanya.

Ketiga, perpaduan kaum Muhajirin dan Ansar serta perdamaian Aus dan Khazraj menjadi model perpaduan dalam masyarakat Islam.

Beliau menyeru agar umat Islam hari ini menjadikan kesatuan ummah sebagai matlamat utama dalam menghadapi cabaran perpecahan.

“Hijrah bukan hanya soal geografi, tetapi perubahan sikap, pemikiran dan keazaman untuk menjadi lebih baik. Manakala ji-

had bukan semata-mata di medan perang, tetapi usaha bersungguh-sungguh dalam memperbaiki diri, masyarakat dan negara,” ujar beliau.

Mengakhiri ucapannya, Menteri Besar menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan untuk terus menjunjung agenda pembangunan ummah melalui dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam, yang berpaksikan nilai hijrah dan jihad sebagai tunjang kejayaan.

“Mudah-mudahan semangat hijrah dan jihad terus menyala dalam jiwa kita, menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat dan kecemerlangan negeri Kelantan sebagai model pentadbiran Islam yang dirahmati,” katanya.

Majlis sambutan berskala tahunan itu turut dihadiri Tengku Mahkota Kelantan YTM Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni almarhum Sultan Ismail Petra yang turut berkenan menyampaikan anugerah Tokoh Hijratul Rasul Negeri Kelantan bagi tahun 1447H kepada mantan Menteri Besar Kelantan Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob merangkap Ahli Dewan Negeri Pasir Pekan.

Turut mengiringi, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan dan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud.



DAKWAH BUKAN MEMAKSA TAPI MENGAJAK DENGAN KASIH SAYANG - DATO' DR. FADZLI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 1 Julai — “Dakwah bukan memaksa tetapi mengajak dengan kasih sayang dan keinsafan.”

Demikian penegasan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan ketika menekankan bahawa kelangsungan risalah Islam dalam masyarakat majmuk tidak hanya bergantung pada kekuatan hujah semata-mata.

Beliau berkata, usaha dakwah menuntut keupayaan pendakwah untuk menyantuni manusia dengan akhlak mulia, memahami dengan hati yang terbuka serta menyampaikan mesej Islam dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Beliau menyatakan demikian selepas menghadiri Program Wacana Metodologi Dakwah di Pusat Tarbiyah Islam Kelantan (PUTIK) di sini, semalam.



Wacana tersebut menampilkan tokoh dakwah berpengalaman, Naib Pengerusi PERKIM Kebangsaan Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah bersama rakan sejawatannya, Muhammad Fitri Abdullah.

Sebagai saudara baharu, mereka berkongsi pandangan mengenai pendekatan dakwah berkesan masa kini.

“Saya mengamati perbincangan yang cukup berwibawa dan pencerahan yang bernas tentang pendekatan dakwah berkesan ber-

mula dengan memahami latar belakang, budaya dan keperluan sasaran mad'u sebelum menyampaikan mesej Islam,” kata Dato' Dr. Fadzli.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur serta kedua-dua panel atas penganjuran wacana yang disifatkan sangat bermanfaat untuk memperkukuh gerakan dakwah yang lebih segar, berstrategi dan menyentuh hati.

“Perkongsian ilmu seperti ini



amat diperlukan dalam memperkasa pendekatan dakwah agar sentiasa relevan dengan realiti masyarakat kita hari ini,” tambahnya.

Program anjuran bersama Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan, Ilmuwan Islam Kelantan dan PERKIM Bahagian Negeri Kelantan itu dihadiri para pemimpin negeri, pegawai Halaqat, pendakwah dan muallaf serta wakil pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah di Kelantan.

MEXCLUB PLATFORM PENTING BINCANG ISU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR-YB DATO' DR IZANI



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Jun – Mesyuarat Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) menjadi platform penting dalam membincang, merangka dan memperhalusi dasar serta inisiatif strategik pembangunan dan kesejahteraan luar bandar, kata Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin.

Katanya, mesyuarat yang turut disertai oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri yang memegang portfolio pembangunan luar bandar, merupakan medan terbaik untuk memperkukuh kerjasama dua hala antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan

Persekutuan dan perlu diadakan lebih kerap.

“MEXCLUB bukan sahaja membuka ruang perbincangan yang konstruktif, malah menjadi landasan kepada penyaluran isu dan permasalahan setempat secara menyeluruh. Justeru, saya mencadangkan agar mesyuarat seperti ini dikerapkan agar manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat di peringkat akar umbi.”

Beliau berkata demikian menerusi satu catatan di media sosial miliknya pada Ahad.

Terdahulu, Dato' Dr. Izani turut menyertai MEXCLUB Bil 1/2025 yang dipengerusikan oleh Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah mer-

angkap Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid, di Sunway Resort, Petaling Jaya pada Khamis.

Dalam mesyuarat tersebut, Dato' Dr. Izani turut mengambil inisiatif menyampaikan secara langsung kepada Timbalan Perdana Menteri senarai cadangan projek pembangunan utama yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan.

“Dalam ruang mesyuarat tersebut, saya telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan secara langsung kepada YAB Timbalan Perdana Menteri senarai ‘wishlist’ projek-projek pembangunan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

“Kami yakin, pelaksanaan projek-projek yang disenaraikan mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negeri serta membawa limpahan manfaat kepada kesejahteraan sosial rakyat Kelantan,” ujarnya.

Beliau juga turut memperkenankan kepada Timbalan Perdana Menteri sebuah kawasan berpo-

tensi tinggi di utara Kelantan iaitu Pulau Kundur, yang digambarkan sebagai “permata pelancongan budaya yang masih tersembunyi”.

“Pulau Kundur mempunyai keunikan tersendiri. Ia terletak di antara Laut China Selatan di timur dan sebuah sungai yang tenang di barat, ia dikelilingi rimbunan pohon nipah dan menjadi pusat kegiatan ekonomi komuniti termasuk penternakan ikan dalam sangkar serta penyadapan tuak nipah,” tambahnya.

Beliau juga menyatakan undangan rasmi kepada Timbalan Perdana Menteri untuk melawat lokasi tersebut sudah pun dibuat.

Dato' Dr. Izani amat berharap agar pihak kementerian dapat mengambil tindakan yang pantas dan proaktif terhadap setiap pandangan serta permohonan yang telah dikemukakan.

“Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dan komited untuk bekerjasama demi kemajuan rakyat serta kelestarian pembangunan luar bandar yang inklusif dan mapan,”katanya.

TRS BERJAYA, E-TUISYEN PULA DIPERKENALKAN UNTUK 1,000 PELAJAR B40 KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 30 Jun – Kejayaan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS) yang dilaksanakan tahun lalu menjadi pemangkin kepada pengenalan Program e-Tuisyen Rakyat Sejahtera.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata inisiatif baharu Kerajaan Negeri Kelantan itu bakal memberi manfaat kepada 1,000 pelajar daripada keluarga B40 di seluruh negeri.

Menurutnya, kejayaan TRS terdahulu membuktikan keberkesanan inisiatif tuisyen percuma Kerajaan Negeri dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan mencapai keputusan cemerlang.

“Pada tahun 2024, seramai 436 calon SPM di Kelantan memperoleh keputusan semua A, termasuk 80 pelajar sekolah di bawah YIK,” ujarnya.

Kejayaan tersebut menjadi asas kepada pengenalan e-Tuisyen Rakyat Sejahtera, buat julung kali diperkenalkan untuk membolehkan pelajar di kawasan pedalaman atau yang berdepan kekangan hadir ke kelas fizikal terus mendapat akses pembelajaran tambahan.

“e-Tuisyen adalah pelengkap kepada pelaksanaan TRS secara fizikal yang sebelum ini telah berjaya mencatatkan kejayaan membanggakan.

“Dengan e-Tuisyen, pelajar boleh belajar dari rumah masing-masing tanpa perlu risau faktor jarak atau kesukaran keluar malam,” jelasnya ketika merasmikan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan 2025 di Dewan Teratai, Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, peruntukan sebanyak RM97,200 diurus setia oleh Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.



dengan kerjasama Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi menjayakan program tuisyen secara atas talian tersebut.

Dalam masa sama, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) turut akan membuka Pusat Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan secara percuma di Kompleks YAKIN, Kota Bharu, bagi memperluas akses pembelajaran secara fizikal khususnya di kawasan bandar. Sekali gus melengkapkan usaha memperluas capaian pendidikan kepada pelajar yang memerlukan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), YIK, YAKIN, ILKAN, Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd., dan semua Pusat Khidmat DUN yang menjadi tulang belakang kejayaan TRS serta pelaksanaan e-Tuisyen.

Terdahulu, dalam sesi taklimat berkenaan TRS 2025 disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik YIK, Sukeri Hussin kepada seramai 90 peserta yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri, Penyelia DUN serta Penyelaras TRS peringkat DUN.

Menurut Sukeri, TRS 2025 merupakan satu inisiatif strategik Kerajaan Negeri bagi membantu pelajar yang berdepan kesukaran pencapaian akademik akibat kekangan akses kepada pendidikan tambahan.

“Program ini menyediakan

tuisyen percuma sebagai ikhtiar meningkatkan potensi diri pelajar, khususnya dalam menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya.

Sebanyak RM675,000 diperuntukkan bagi menjayakan program ini yang dijangka memanfaatkan 2,700 pelajar di seluruh negeri, dengan 60 pelajar terpilih di setiap 45 DUN.

Jumlah tersebut meningkat berbanding tahun lalu yang hanya melibatkan 30 pelajar bagi setiap DUN, sekali gus mendorong pertambahan kelas daripada satu kepada dua kelas di setiap DUN pada tahun ini.

Sehubungan itu, peruntukan bagi setiap DUN turut ditingkatkan daripada RM10,000 kepada RM15,000, khusus bagi menampung kos elaun guru. Semua tempat dan kemudahan kelas disediakan oleh pihak Pusat Khidmat DUN.

Shukri turut berkongsi objektif utama TRS 2025 ialah meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah, di samping menyediakan peluang pendidikan tambahan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

“Seramai empat tenaga pengajar akan ditugaskan setiap minggu bagi empat subjek utama. Guru-guru terlibat adalah dalam kalangan

tenaga pengajar berpengalaman menggubal soalan peperiksaan atau mempunyai sekurang-kurangnya ijazah dalam bidang berkaitan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa program pendidikan tambahan itu terbuka kepada semua calon SPM daripada keluarga B40, tanpa mengira sama ada mereka bersekolah di sekolah di bawah seliaan YIK atau sekolah lain.

“Sesi tuisyen dijadualkan berlangsung setiap Jumaat dan Sabtu mulai 11 Julai hingga 30 Ogos 2025. Slot pembelajaran diadakan pada sebelah pagi pukul 9.00 hingga 11.00 pagi, manakala sesi petang bermula 3.30 petang hingga 5.30 petang pada hari Jumaat, serta 3.00 petang hingga 5.00 petang pada hari Sabtu,” katanya.

Antara lokasi pelaksanaan termasuk Dewan Khidmat Pusat DUN, bilik seminar masjid, sekolah-sekolah YIK serta lokasi bersesuaian lain dengan keutamaan di pusat Khidmat DUN. Contohnya PKD Chempaka mengelola TRS di Dewan Cikgu Daud, PURNAMA. Manakala PKD Pengkalan Pasir pula mengendalikannya di Plaza Serakai Mas, Pasir Mas.

Bagi memastikan keberkesanan program, ujian berkala akan dijalankan untuk mengukur peningkatan prestasi pelajar dari semasa ke semasa. Pasukan pemantauan terdiri daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK), ILKAN, Pejabat Pusat Khidmat DUN serta guru-guru terlibat akan menilai kemajuan program dan melaksanakan penambahbaikan sekiranya perlu.

Maklum balas pelajar dan ibu bapa mengenai keberkesanan program juga akan didokumentasikan sebagai rujukan penambahbaikan pada masa hadapan.



KEMPEN KESEDARAN E-WASTE PERKASA USAHA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KUBANG KERIAN, 2 Julai – Kempen Kesedaran Kitar Semula Sisa Elektronik (e-Waste) yang berlangsung selama seminggu di Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya menarik penyertaan aktif daripada warga kampus, komuniti setempat serta pelbagai agensi luar.

Program ini merupakan inisiatif penting dalam menguruskan sisa elektrik dan elektronik secara mampan, khususnya di negeri Kelantan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmi Abdullah berkata, rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 365,000 tan sisa e-waste setiap tahun.

“Jumlah ini amat membimbangkan dan dijangka akan meningkat secara mendadak menjelang 2026.

“Peningkatan tersebut disebabkan pertumbuhan pesat ekonomi digital dan penggunaan peranti elektronik yang meluas. Namun, hanya

sebahagian kecil daripada e-waste tersebut berjaya dikitar semula, manakala selebihnya berakhir di tapak pelupusan,”katanya menerusi satu hantaran di media sosialnya, pada Selasa.

Katanya lagi, e-waste’ yang gagal diuruskan boleh membawa risiko kepada kesihatan awam dan pencemaran kepada alam sekitar serta menjadi punca kebakaran di tapak pelupusan.

“Diharapkan warga kampus dapat menjadi duta kepada kerajaan negeri dalam menyebarkan kesedaran dalam kalangan rakyat Kelantan di setiap lapisan masyarakat tentang peri pentingnya pengurusan pembuangan e-Waste ini,” tegasnya.

Sepanjang kempen berlangsung, pelbagai aktiviti dianjurkan termasuk pengumpulan barangan e-Waste, Program Digital Kasih, ceramah teknologi hijau, pameran interaktif, kuiz kelestarian serta sesi perkongsian ilmu bersama agensi luar. Aktiviti-aktiviti ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar, staf akademik, serta komu-



niti setempat.

Terdahulu YB Hilmi telah merasmikan Kempen Kesedaran Kitar Semula Sisa Elektronik (e-Waste) di Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), pada Selasa.

Hadir sama dalam majlis perasmian tersebut ialah Pengarah Kampus Kesihatan USM, Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail; Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kelantan, Wan Aminordin Wan Kamaruddin; Pengurus Besar Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd., Dr. Mohd Roshdi Hassan; Timbalan Pengarah Pusat Pengetahuan, Komunikasi

dan Teknologi (PPKT) Kampus Kesihatan USM, Nik Nashron Ab Aziz serta Penyelaras Jawatankuasa Kelestarian Kampus Kesihatan USM, Rabiatul Adawiyah Ab Manan.

YB Hilmi turut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada urus setia program daripada Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian serta semua pihak yang terlibat.

“Komitmen yang ditunjukkan membuktikan bahawa kerjasama erat antara institusi akademik, masyarakat dan agensi berkaitan adalah kunci dalam memastikan bumi terus kekal bersih dan selamat untuk diwariskan kepada generasi akan datang,” ujarnya.

10.514 JUTA PELANCONG JAYAKAN TMK2024, JANA IMPAK EKONOMI RM3.154 BILION



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 2 Julai – Kelantan terus mencatat kejayaan membanggakan dalam sektor pelancongan apabila Tahun Melawat Kelantan 2024 (TMK2024) berjaya melepasi sasaran awal 10 juta pelancong.

Rekod Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mencatat kehadiran seramai 10.514 juta pelancong sepanjang tahun lalu.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata kejayaan yang membanggakan itu adalah hasil sokongan padu pelbagai pihak yang berganding bahu menjayakan kempen TMK2024

yang bertemakan konsep 3F: Food, Family and Festival.

“Alhamdulillah, kita bersyukur dengan pencapaian ini. Terima kasih kepada semua pihak termasuk Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi pelancongan, pihak hotel, pemandu pelancong dan seluruh rakyat Kelantan yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelancong dengan sikap mesra dan peramah,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, berdasarkan pengiraan konservatif, perbelanjaan purata RM300 seorang pelancong yang telah menyumbang kepada pemain industri pelancongan, nilai kitaran ekonomi mencecah lebih RM3.154 bilion sepanjang tahun lalu.

“Itu belum termasuk sumber pendapatan lain. Patutlah orang Kelantan tidak putus-putus membeli emas sebagai pelaburan,”

jelasnya.

Tambahnya, usaha bersungguh-sungguh dan pelbagai langkah strategik yang telah diambil bagi menarik kehadiran pelancong termasuk mengadakan rundingan dengan syarikat penerbangan untuk menyediakan penerbangan terus ke Kelantan dari negara jiran seperti Singapura dan China merupakan antara faktor kejayaan tersebut.

Selain itu, perbincangan turut dijalankan bagi menyelaraskan pakej pelancongan ke setiap daerah agar lebih tersusun dan menarik minat pelancong tempatan serta luar negara.

“Kempen keselamatan, kebersihan dan kesihatan turut dipergiatkan bagi meyakinkan para pelancong mengenai suasana Kelantan yang sentiasa selamat, bersih dan kondusif untuk aktiviti pelancongan keluarga,” katanya.

Promosi berterusan turut dibuat melalui pelbagai saluran sehingga ke peringkat antarabangsa untuk

memperkenalkan Kelantan sebagai gedung kebudayaan dan kesenian Melayu.

Datuk Kamarudin juga yakin program-program ikonik seperti Festival Wau Antarabangsa, Larian Antarabangsa Jambatan Guillemard, Kejohanan Gasing Peringkat ASEAN, serta tarikan semula jadi seperti Train to Dabong, Gunung Stong, Laman Warisan Kampung Laut, menyusuri Sungai Kelantan sehingga ke Pantai Ndo, serta Jeli Eco Tourism Trail kelolaan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan juga menjadi faktor kejayaan TMK2024.

“Kita akan teruskan memberi perkhidmatan mesra pelancong, kadar makanan dan penginapan yang berpatutan, penyelenggaraan lokasi pelancongan yang baik dan selamat agar momentum kejayaan TMK2024 kekal atau lebih cemerlang untuk tahun ini dan TMK2026 pula,” jelasnya.

HIJRAH PEMIKIRAN, JIWA DAN TINDAKAN TERAS KECEMERLANGAN UMMAH

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 26 Jun – Hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal, sebaliknya satu proses pemurnian diri yang melibatkan perubahan cara berfikir, rasa cinta terhadap agama dan tanah air, serta komitmen untuk meninggalkan kejahatan menuju ketaatan.

Demikian intipati utama tausiah

yang dikongsikan oleh penceramah undangan Ustaz Mohd Hariri Daud dalam Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1447H yang berlangsung di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, malam ini.

Menurutnya, jalur pertama mengupas bagaimana masyarakat Arab dahulu menamakan tahun mengikut peristiwa besar.

“Tahun Gajah menjadi penanda kelahiran Rasulullah SAW, manakala tahun pertama Hijrah dinamakan Tahun Azan kerana syariat laungan azan mula diperkenalkan.

“Kalendar Islam tersusun rapi dengan rahmat Allah SWT, bermula Muharam dan berakhir Zulhijjah, seperti disebut dalam Surah at-Taubah,” katanya.

Jalur kedua menyentuh kecintaan Rasulullah SAW kepada tanah kelahirannya, Mekah al-Mukarramah.



Ustaz Hariri menegaskan bahawa walaupun Rasulullah terpaksa berhijrah, baginda tetap mencintai Mekah, dan memohon agar Allah menanamkan cinta yang sama terhadap bumi Madinah.

“Hijrah mengajar kita bahawa cinta kepada tanah air adalah fitrah. Sebagaimana saya sendiri berhijrah ke negeri-negeri lain, namun kekal berdialek Kelantan kerana akar keluarga tidak pernah berubah,” ujarnya.

Beliau turut memberi contoh kejayaan pemain bola sepak profesional Mesir Mohamed Salah, yang berhijrah ke laman buah kelab sebelum menemui kejayaan dengan Liverpool.

Menariknya, Ustaz Hariri turut menyebut bagaimana orang Kelantan berhijrah membawa budu ke

Korea Selatan, menjadikan identiti dan warisan makanan itu sebagai simbol ketahanan budaya.

“Berdasarkan jurnal universiti, budu kaya Omega-3. Proses fermentasi mengandungi probiotik sebagai pelengkap makanan dan penyubur minda,” ujarnya.

Beliau menamatkan ceramah berkenaan jalur ketiga yang menyorot kisah para sahabat dan penentang Rasulullah yang tersentuh dengan dakwah Baginda SAW.

“Peristiwa Ubai bin Khalaf dan Utbah memberi pengajaran bahawa kita harus memilih sahabat yang membawa kepada hidayah, bukan yang mengheret kepada kesesatan,” jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa masa semakin pantas berlalu, dan

kematian tidak mengenal usia.

“Hijrah hari ini adalah untuk menjadi ayah yang bertanggungjawab, isteri yang setia, pemimpin yang amanah, anak yang soleh serta usahawan yang bertakwa.

“Itulah sebenar-benar hijrah yang mengubah jiwa dan menyumbang kepada kesejahteraan ummah,” tambahnya.

Terdahulu, program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta yang dikelola oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) itu dimulakan dengan ketibaan dif-dif kehormat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud menjunjung kasih meraikan keberangkatan tiba Tengku Mahkota Kelantan YTM Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni almarhum Sultan Ismail Petra.

Doa Akhir Tahun 1446H dibaca oleh Mufti Negeri Kelantan Sahibus Samahah Dato’ Kaya Perba Mohamad Shukri Mohamad sebelum azan Maghrib diikuti doa Awal Tahun 1447H dan solat Maghrib berjemaah.



12 PELAJAR CEMERLANG STPM, STAM 2024 TERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN MENTERI BESAR KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Julai – Seramai 12 pelajar terbaik dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2024 menerima Anugerah Kecemerlangan Menteri Besar Kelantan, berupa wang tunai RM1,000 dan Sijil yang disampaikan oleh Menteri Besar, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dalam satu majlis yang berlangsung di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, pada Rabu.

Menteri Besar dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pelajar yang berjaya, sambil menyifatkan pencapaian mereka sebagai satu kebanggaan kepada ibu bapa, guru-guru, dan seluruh rakyat negeri Kelantan.

"Alhamdulillah, hari ini kita meraikan anak-anak kita yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam STPM dan STAM. Kejayaan ini bukan sahaja harus diraikan, malah perlu diteruskan apabila mereka melangkah ke alam universiti," katanya.

Beliau turut mengingatkan para pelajar agar bersedia menghadapi cabaran dan kejutan budaya apabila menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.



"Di sekolah, pelajar dipantau oleh guru, di rumah dipantau oleh ibu bapa. Tapi bila masuk ke menara gading, mereka jauh daripada keluarga dan pensyarah tidak pantau sepertimana guru. Kadang-kadang, pergaulan tanpa batasan boleh menjejaskan pelajaran," ujarinya.

Beliau turut menekankan bahawa kecemerlangan bukan sahaja diukur melalui pencapaian akademik semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah kecemerlangan dari segi akhlak.

"Sabda Nabi SAW: 'Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.' Kita bukan hanya mahu melahirkan pelajar cemerlang dan cerdas dalam akademik, tetapi juga cemerlang dalam akhlak dan sahsiah. Ini menjadi harapan ibu bapa, guru-guru,

dan masyarakat," katanya lagi.

Menteri Besar juga turut mengumumkan bahawa kerajaan negeri melalui Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) menyediakan kemudahan pinjaman pengajian kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Sekiranya pelajar tersebut cemerlang, pinjaman itu akan ditukar kepada biasiswa.

"Pinjaman YAKIN tidak dikenakan faedah seperti pinjaman lain. Jika pelajar cemerlang dalam pengajian mereka, pinjaman tersebut akan ditukar menjadi biasiswa, sekali gus dapat meringankan beban kewangan ibu bapa," jelasnya.

Beliau juga menekankan pentingnya menjaga hubungan dengan Allah dan ibu bapa.

"Di sini saya ingin berpesan, wa-

laupun di mana sahaja kita berada, utamakan solat, sebaiknya solat secara berjemaah dan jangan sesekali lupa kepada ibu bapa. Mohon restu mereka kerana doa mereka sangat mustajab," katanya mengakhiri ucapan.

Anugerah ini merupakan satu bentuk penghargaan daripada kerajaan negeri kepada anak-anak Kelantan yang berjaya, serta sebagai dorongan agar mereka terus mencipta kejayaan yang lebih gemilang pada masa depan.

Untuk rekod, bagi peperiksaan STPM 2024 seramai empat dari lapang orang calon yang terbaik peringkat kebangsaan adalah dari Negeri Kelantan dan seorang calon berkeperluan khas adalah terbaik di negeri Kelantan. Manakala di peringkat STAM pula, seramai tujuh orang pelajar mendapat kecemerlangan dengan 10 Mumtaz.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengarah YAKIN, Nik Jessin Tan Sri Nik Hashim dan Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK), Zulkifle AB Rahman.

PERGOLAKAN GEOPOLITIK DUNIA UJI DAYA TAHAN EKONOMI, WARGA PKINK DISERU TERUS CEKAL



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 29 Jun – Pergolakan geopolitik dunia yang sedang melanda telah memberi kesan ketara terhadap keupayaan ekonomi global, termasuklah Malaysia dan negeri Kelantan yang tidak terkecuali merasai tempiasnya.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan hal demikian dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang berlangsung di Kelantan Trade Center (KTC), di sini, hari

ini.

Walau bagaimanapun, beliau kekal optimis dan yakin dengan kemampuan seluruh warga kerja serta syarikat-syarikat di bawah naungan Kumpulan PKINK untuk terus bangkit memainkan peranan secara proaktif dan berkesan dalam mendepani cabaran semasa.

"Saya menyeru agar semua pihak terus meningkatkan kemahiran, memperkukuh tahap profesionalisme dan melonjakkan prestasi kerja demi memacu Kelantan ke arah ekonomi yang lebih mampan, kompetitif dan sejahtera, walau apa jua cabaran mendatang," katanya.

Beliau menegaskan bahawa PKINK bukan sahaja berfungsi sebagai agensi pelaksana pembangunan sosioekonomi, industri dan

komersial negeri, malah menjadi teras utama dalam merealisasikan agenda pembangunan Kelantan yang selari dengan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam.

Dalam majlis tersebut, beliau turut merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada seluruh warga PKINK atas usaha gigih dan dedikasi berterusan dalam memacu pembangunan negeri.

"Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Semoga pengiktirafan ini menjadi pencetus semangat untuk terus menabur bakti dengan lebih cemerlang, selain menjadi inspirasi kepada rakan sekerja yang lain," ujarinya.



12 PELAJAR CEMERLANG STPM, STAM 2024
TERIMA ANUGERAH KECERLANGAN
MENTERI BESAR KELANTAN

ANAK JATI KUALA KRAI DINOBAT PEGAWAI KADET TERBAIK TUDM, TERIMA PIALA SERI ANGKASA DAN PEDANG KEHORMAT

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Jun – Anak kelahiran Kuala Krai, Kelantan Pegawai Rendah Kanan Fazril Azim Shaharuddin, mencatat sejarah apabila dinobatkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) 2025.

Kejayaan tersebut membolehkan beliau menerima Piala Seri Angkasa serta sebilah Pedang Kehormat yang disempurnakan penyampaiannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dalam satu majlis Istiadat Perbarisan Pentaulliahan Diraja Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tahun 2025 yang berlangsung di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Per-



PEGAWAI KADET TERBAIK
TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

PEGAWAI RENDAH KANAN
FAZRIL AZIM BIN SHAHARUDDIN
AKADEMI LATIHAN KETENTERAAN

dana Sungai Besi, pada Sabtu.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, kejayaan Fazril Azim membuktikan bahawa anak Kelantan, walau dari ceruk desa, mampu mengukir kecemerlangan di peringkat tert-

inggi dengan usaha dan tekad yang teguh.

"Semoga Fazril Azim terus maju dan menjadi pemangkin semangat kepada anak muda yang lain untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanah air."

Beliau berkata demikian men-

erusi satu catatan di media sosial miliknya, hari ini.

Fazril Azim, 24, kini ditauliahkan ke Cawangan Kejuruteraan TUDM, sejajar dengan kelulusan beliau dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian.

Untuk rekod, seramai 509 Pegawai Kadet telah terlibat dalam istiadat perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Rendah Kanan Fazril Azim Shaharuddin.

Istiadat perbarisan tersebut merupakan pengiktirafan atas kejayaan mereka menamatkan latihan ketenteraan dan seterusnya ditauliahkan sebagai pegawai muda ATM dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

GMCC LANGKAH STRATEGIK MAJUKAN INDUSTRI TENUSU KAMBING DI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 2 Julai – Penubuhan Goat Milk Collection Centre (GMCC) di Kelantan dilihat sebagai langkah strategik dalam memajukan industri tenusu kambing di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, GMCC diwujudkan sebagai pusat sehati untuk pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran susu kambing secara sistematik, sekaligus turut membuka peluang kepada penternak kecil memasarkan produk ternakan mereka.

"GMCC bukan sahaja memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti dan kebersihan susu kambing menepati piawaian kesihatan dan keselamatan makanan, malah turut menyediakan peluang kepada penternak kecil memasarkan hasil ternakan mereka secara konsisten dan berstruktur.

"GMCC juga berperanan untuk mengumpulkan susu mentah daripada penternak di seluruh Kelantan



sebelum diproses mengikut piawaian" Hazard Analysis and Critical Control Points" (HACCP) dan halal. Produk hiliran seperti susu kambing pasteur, yogurt, keju kambing, sabun dan kosmetik berasaskan susu turut dibangunkan untuk memenuhi permintaan pasaran."

Beliau berkata demikian ketika berucap di program Sesi Libat Urus Penternak Kambing Tenusu Kelantan, di Dewan Majlis Daerah Kete- reh, pada Selasa.

Kata beliau lagi, penternak kambing susu tempatan memainkan peranan besar sebagai pembekal utama susu segar kepada GMCC

dan kilang pemprosesan.

"Hal Ini dapat menyumbang kepada bekalan berterusan susu segar yang berkualiti tinggi di pasaran tempatan dan mengurangkan bergantung kepada susu import," katanya.

Jelasnya lagi, GMCC juga merancang untuk memperluaskan lagi operasi dengan menerapkan teknologi moden seperti Internet of Things (IoT) dan automasi pemprosesan.

"Dalam masa yang sama, GMCC berpotensi menjadi pusat latihan dan inkubator agrotenusu khusus kepada golongan belia dan

wanita, sejajar dengan usaha memperkasakan keusahawanan luar bandar," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa Kerajaan negeri dan Persekutuan akan memberi komitmen berterusan dalam memperkasa sektor agromakanan dan keusahawanan luar bandar.

Hadir sama, Timbalan Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Shaari Mat Hussin, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Dr Yahasmida Yaacob dan Pengarah ECERDC Wilayah Kelantan Megat Shah Rizal Noor Ikhsan.